

ANALISIS GARIS PANDUAN AGIHAN ZAKAT (*HADD AL-KIFĀYAH*) MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)

*An Analysis Of Zakat Distribution Guideline (*Hadd Al-Kifāyah*) In
 Terengganu Malay Customs And Islamic Council (MAIDAM)*

Muhamad Syarif Omerⁱ & Mohd Sadad Mahmudⁱⁱ

ⁱ Calon Sarjana, Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin,
 21300 Terengganu, syarif.omer.abdullah@gmail.com

ⁱⁱPensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin,
 21300 Terengganu, mohdsadad@unisza.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Hadd al-kifāyah di dalam sistem zakat adalah satu instrumen bagi mengukur sama ada seseorang Muslim perlu membayar zakat atau menjadi penerima zakat. Selain itu, menjadi satu perkara yang penting bagi institusi-institusi zakat memastikan kerelevanannya hadd al-kifāyah dengan kos sara hidup semasa kerana peningkatan kos sara hidup sentiasa meningkat dari masa ke semasa. Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) yang dikeluarkan secara dwitahunan menunjukkan berlaku peningkatan kos sara hidup rakyat Malaysia khususnya di Terengganu dari tahun ke tahun. Maka kajian ini akan mengenalpasti dan menganalisis hadd al-kifāyah yang digunakan oleh institusi zakat di Terengganu dengan perbandingan beberapa item yang terpilih dan bersesuaian dengan elemen-elemen hadd al-kifāyah di dalam Indeks Harga Pengguna yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Kajian ini merupakan kajian dalam bentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian penerokaan (exploratory research). Hasil kajian mendapat satu</i></p>	<p><i>Hadd al-kifāyah in zakat system is an instrument to measure whether a Muslim should be payer or receiver of zakat. Besides, it is also important to the zakat institution to make sure the relevancies of hadd al-kifāyah with the current living cost because the living cost is rising from time to time. Data from Department of Statistic Malaysia (DOSM) which appear every twice year shows the increasing of Malaysians living cost yearly especially in Terengganu. Therefore, the objective of this study is to identify and analysis the concept hadd al-kifāyah used by the Terengganu zakat institute by comparing some of the items selected and appropriate to hadd al-kifāyah elements in the Consumer Price Index used by the Department of Statistics Malaysia. This dissertation is a qualitative study with exploratory research design. The findings revealed that there is a significant difference between hadd al-kifāyah practiced by the Council of Islamic Religion and the Malay Customs of Terengganu with the concept of hadd al-kifāyah integrated from elements that can be accepted as the hadd al-kifāyah element in the Consumer Price Index.</i></p>

<p>jumlah perbezaan yang ketara antara <i>hadd al-kifayah</i> yang digunakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan konsep <i>hadd al-kifayah</i> yang dibina daripada elemen-elemen yang boleh diterima pakai sebagai elemen <i>hadd al-kifayah</i> dalam Indeks Harga Pengguna. Oleh itu, <i>hadd al-kifayah</i> yang diamalkan perlu diperbaharui secara berkala agar sentiasa relevan dengan <i>hadd al-kifayah</i> yang diperlukan oleh masyarakat semasa.</p> <p>Kata kunci: <i>Hadd Al-Kifayah, Zakat, Indeks Harga Pengguna (IHP), Kos Sara Hidup, Asnaf</i></p>	<p>Therefore, the practice of <i>hadd al-kifayah</i> needs to be renewed periodically in order to make sure its relevencies with <i>hadd al-kifayah</i> which is required by the present society.</p> <p>Keywords: <i>Hadd Al-Kifayah, Zakat, Consumer Price Index (CPI), Living Cost, Asnaf</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Dasar *hadd al-kifayah* yang perlu digunakan dalam pemberian bantuan kepada yang memerlukan adalah berdasarkan kepada status ekonomi sebuah kehidupan. Hadith Nabi SAW ketika mana Hindun binti Utbah bertanya kepada Rasulullah saw mengenai harta yang perlu diambil daripada suaminya iaitu Abu Sufyan, maka Rasulullah saw menyebutkan:

"خذلي ما يكفيك وولدك بالمعروف"

Mkasudnya: "Ambillah apa-apa harta yang mencukupkan (kifayah) bagimu dan anakmu dengan qadar yang sepatutnya" (sesuai dengan keperluan kehidupannya). (Sahih al-Bukhari, 7180)

Sesuatu yang mencukupkan atau *hadd al-kifayah* merupakan satu ukuran kepada keperluan asas manusia yang dapat menghindarkan diri daripada kemusnahan hidup (Hasan, A., 2015).

JAWHAR (2007) mengatakan *hadd al-kifayah* berperanan sama seperti Indeks Kemiskinan iaitu menetapkan satu kadar yang melayakkan individu itu menerima bantuan zakat. *Hadd al-kifayah* setiap kawasan adalah berbeza bergantung kepada keperluan harian di mana keperluan di bandar tentulah lebih tinggi berbanding dengan luar bandar. Adalah diyakini bahawa jika *hadd al-kifayah* digunakan dalam menentukan kadar bantuan zakat, kadar kemiskinan akan dapat dikurangkan. Justeru itu, menjadi tanggungjawab MAIN untuk menggunakan *hadd al-kifayah* dalam melaksanakan pengagihan bantuan zakat. Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR, 2007) telah menggariskan beberapa komponen utama dalam menentukan keperluan *hadd*

al-kifāyah seperti tempat tinggal, pakaian, makanan, kesihatan, pendidikan dan pengangkutan berdasarkan *maqāṣid al-sharī'ah* (tujuan-tujuan syariah).

Menurut mazhab *al-Shāfi'iyyah* mengatakan bahawa *hadd al-kifāyah* iaitu diberikan zakat kepada asnaf sehingga cukup keperluan dan hajatnya. Agihan zakat mestilah sehingga hilang kefaqirannya atau hajatnya, contohnya diberikan alatan untuk bekerja jika dia mempunyai kekuatan untuk bekerja atau barang untuk diniagakan sehingga jika dia perlu kepada sejumlah wang yang banyak untuk membeli barang tersebut maka wajib zakat mengikut keperluan tersebut (*Al-Nawāwīyy, Majmū'*, 6:176). Oleh itu, pemberian zakat hendaklah memenuhi keperluan asnaf yang dapat membebaskan mereka daripada kemiskinan dengan kadar yang mencukupi untuk kehidupan sepanjang hidupnya

Saidina Umar R.A. dalam melaksanakan agihan zakat khususnya kepada golongan fakir dan miskin telah melaksanakan polisi agihan secara mencukupkan keperluan dalam kehidupan sehingga tidak perlu lagi meminta-minta. Beliau berkata kepada petugas zakatnya "Teruskan pembahagian zakat itu kepada mereka, meskipun setiap seorang akan mendapat seratus ekor unta." Abdul Rahman Talib (2013)

Uwais (2014) juga menegaskan bahawa *hadd al-kifāyah* bukan sekadar penentuan had minimum semata-mata tetapi ia menjangkaui persoalan tahap yang selayaknya bagi memastikan kelangsungan kehidupan seseorang serta tanggungannya. Ia merupakan tahap yang lebih tinggi berbanding *hadd al-kifāf*¹ dalam kehidupan dan boleh bertambah serta berubah berdasarkan perubahan peringkat kemajuan mengikut sesuatu tempat dan zaman.

Oleh kerana *hadd al-kifāyah* ini boleh berbeza dan berubah mengikut zaman dan tempat, maka pemerintah berperanan dalam mengenalpasti had ini. Ia dikira sebagai suatu kewajiban negara kerana melibatkan hak orang yang perlu membayar zakat serta hak mereka yang sepatutnya menerima zakat (Uwais, 2004). Secara umumnya, definisi ini menunjukkan bahawa *hadd al-kifāyah* merupakan suatu garis penentu seorang itu telah mempunyai kecukupan atau pun tidak dari sudut ekonomi dalam meneruskan kehidupan dan juga menjadi penentu seseorang itu sama ada menjadi pembayar atau penerima zakat.

¹ *Hadd al-Kifāf* merupakan tahap terendah bagi kehidupan seseorang. Iaitu keupayaan memiliki makanan, pakaian dan tempat tinggal yang paling minimum sehingga sekiranya seseorang itu berada di bawah tahap ini nescaya seseorang itu tidak boleh hidup dan tidak berupaya menghasilkan sesuatu. Had ini tidak boleh dikurangkan manakala ketentuannya berasaskan kepada kuasa beli mengikut zaman dan tempat. (*Al-Fanjāriy*, 2010)

ISU DAN OBJEKTIF

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah mengamalkan konsep *hadd al-kifayah* dalam pengagihan zakat. *Hadd al-kifayah* tersebut telah dikeluarkan pada tahun 2017 dan masih diamalkan sehingga sekarang. Namun begitu, masalah berkaitan perbezaan kos sara hidup dan keperluan asas yang semakin bertambah dari tahun ke tahun telah menimbulkan persoalan sama ada kenaikan kos sara hidup ini diambil kira atau tidak dalam pengiraan *hadd al-kifayah*. Hal ini penting bagi menilai semula *hadd al-kifayah* yang sesuai dengan perubahan ekonomi negara yang menuntut kos sara hidup yang tinggi di Terengganu dan Malaysia amnya (Mat Nor, Azman, & Jamlus Rafdi, 2015).

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsep *hadd al-kifayah* yang digunakan sebagai panduan agihan zakat oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Selain itu kajian ini akan menganalisis konsep *hadd al-kifayah* yang diamalkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dengan perbandingan konsep *hadd al-kifayah* yang diutarakan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan dibantu beberapa item yang terpilih dan bersesuaian dengan elemen-elemen *hadd al-kifayah* di dalam Indeks Harga Pengguna yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kepentingan kajian ini adalah untuk memastikan pelaksanaan agihan zakat dapat diberikan kepada golongan sasaran fakir dan miskin yang tepat dengan mengambil pertimbangan kaedah baru dalam penentuan *hadd al-kifayah*. Dapatan kajian dijangka mempunyai dimensi baru dalam penentuan *hadd al-kifayah* yang bersesuaian untuk digunakan bagi memastikan agihan zakat yang cukup dan relevan kepada asnaf fakir dan miskin.

SOROTAN LITERATUR

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu(MAIDAM) pada tahun 2017 telah mengeluarkan satu garis penentuan *hadd al-kifayah* yang digunakan bagi menentukan seseorang itu layak menjadi penerima zakat atau sebaliknya iaitu pembayar zakat. Garis panduan *hadd al-kifayah* ini akan mengira pendapatan keseluruhan yang diperolehi oleh seseorang individu kemudian akan ditolak dengan penolakan-penolakan yang dibenarkan. Hasil daripada penolakan tersebut akan mengeluarkan jumlah yang positif atau negatif, yang mana hasil yang positif bermaksud seseorang itu mestilah membayar zakat lebih daripada pendapatannya dan hasil yang negatif bermaksud seseorang itu tidak mempunyai *hadd al-kifayah* yang mencukupi bagi menanggung atau menyara kehidupannya atau ahli tanggungannya.

Item-item penolakan yang dibenarkan telah diperincikan dalam garis panduan *hadd al-kifayah*, yang mana negeri Terengganu membezakan secara keseluruhan jumlah peruntukan yang dibenarkan untuk ditolak bagi pemohon yang tinggal di bandar atau luar bandar. Seterusnya membezakan item pemohon atau ‘Ketua Isi Rumah’ yang tinggal di rumah berbayar atau rumah percuma. Pembahagian kategori isteri dipecahkan kepada dua item iaitu isteri yang bekerja dengan isteri yang tidak bekerja. Kategori anak-anak kemudiannya dibahagikan tujuh item bermula kanak-kanak belum bersekolah (4 tahun ke bawah), kanak-kanak pra sekolah (5-6 tahun), kanak-kanak bersekolah (7-12 tahun), remaja bersekolah (13-17 tahun), dewasa menuntut/belajar (18 tahun ke atas), dewasa tidak berkerja (cacat/uzur) dewasa tidak berkerja/tidak bersekolah. Selain itu, Terengganu turut mempunyai kategori *hadd al-kifayah* tambahan (kes khas) sebanyak empat item iaitu ibu tunggal/tinggal, orang kurang upaya (oku), keluarga bermasalah dan anak di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Perincian garis panduan *hadd al-kifayah* yang digunakan adalah sebagaimana Jadual 1.0.

Faedah daripada *hadd al-kifayah* tambahan (kes khas) adalah bagi menambahkan kadar penolakan yang diberlakukan untuk ditolak daripada pendapatan individu yang akan membuka satu ruang yang lebih luas bagi pemohon untuk mendapatkan zakat. Contohnya bagi item yang pertama iaitu ibu tunggal/tinggal, ibu tunggal sepatusnya dibuka ruang yang lebih luas untuk menerima zakat kerana kebanyakkan kes kemiskinan di dunia, kebanyakkan isi rumah yang diketuai oleh wanita amat berisiko tinggi untuk berada dalam kemiskinan (Kyaw dan Routray, 2006).

Buvinic dan Gupta (1997) membuktikan bahawa di Chile, program pengurangan kemiskinan di kalangan ketua isi rumah wanita merupakan cara terbaik dalam mengurangkan kemiskinan di negara tersebut. Definisi kemiskinan sama ada secara relatif atau mutlak selalunya tinggi di kalangan wanita terutama bagi wanita yang menjadi ketua isi rumah. Bagi wanita yang bercerai hidup atau mati, mereka boleh menjadi miskin serta merta sekiranya terpaksa menanggung anak tanpa sebarang nafkah atau harta yang ditinggalkan (Nor Aini et.al 2012). Disamping itu, kewujudan kanak-kanak di dalam keluarga yang diketuai oleh wanita khususnya ibu tunggal atau nenek haruslah diambil perhatian kerana fenomena keluarga sebegini makin bertambah.

Jadual 1.0: Penentuan *Hadd al-Kifayah* di Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)

Kuantiti	Kategori Isi Rumah	<i>Hadd al-Kifayah</i> (RM)	
		Bandar	Luar Bandar

1	Pemohon (Rumah berbayar)	940	740
	Pemohon (Rumah percuma)	640	540
1	Isteri berkerja	490	460
1	Isteri Tidak bekerja	310	280
1	Dewasa Tidak Berkerja/Tidak Bersekolah	0	0
1	Dewasa Tidak Berkerja (cacat/uzur)	220	200
1	Dewasa Menuntut/Belajar (18 Tahun ke Atas)	370	350
1	Remaja Bersekolah (13-17 Tahun)	300	250
1	Kanak-kanak Bersekolah (7-12 Tahun)	270	250
1	Kanak-kanak Pra Sekolah (5-6 Tahun)	230	220
1	Kanak-kanak Belum Bersekolah (4 Tahun ke Bawah)	300	270
<i>Hadd al-Kifayah Tambahan (Kes Khas)</i>			
1	Ibu Tunggal/Tinggal	200	
1	OKU	200	
1	Keluarga Bermasalah	200	
1	Anak IPT	200	

Sumber: Garis Panduan Agihan Zakat

Kadar yang ditentukan dalam penolakan ini diukur pada tahun 2017. Akan tetapi, Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan satu hasil penyiasatan perbelanjaan isi rumah 2016 yang menunjukkan bahawa berlaku peningkatan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata dengan kadar pertumbuhan yang tinggi di Terengganu melebihi kadar pertumbuhan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata di peringkat nasional iaitu 10.4% berbanding 6.0% (JPM, 2017). Data ini diperolehi dariapda Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) yang melakukan penyiasatan terhadap perbelanjaan isi rumah rakyat Malaysia secara berkala iaitu dua tahun dengan satu laporan.

Laporan penyiasatan yang terbaru adalah pada tahun 2016 dan 2017. Jabatan Perangkaan Malaysia (2017) menyatakan semua negeri telah diliputi dalam penyiasatan ini merangkumi strata bandar dan luar bandar. Penyiasatan yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dijalankan secara saintifik menggunakan kaedah sampel berkebarangkalian yang mewakili semua isi rumah di Malaysia. Corak perbelanjaan isi rumah dianalisis dan dipersembahkan di peringkat nasional, negeri dan strata yang terdiri daripada trend perbelanjaan isi rumah, perbelanjaan penggunaan isi rumah keseluruhan dan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata dan penengah mengikut Kumpulan Utama.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2017) telah membahagikan perbelanjaan isi rumah kepada dua belas kumpulan utama yang terdiri daripada makanan & minuman bukan alkohol, minuman alkohol & tembakau, pakaian & kasut,

perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain, hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah, kesihatan, pengangkutan, komunikasi, perkhidmatan rekreasi & kebudayaan, pendidikan, restoran & hotel dan pelbagai barang & perkhidmatan.

MODEL *HADD AL-KIFĀYAH* DENGAN ELEMEN *HADD AL-KIFĀYAH* INDEKS HARGA PENGGUNA

Pengelasan 12 Kumpulan Utama ini adalah berdasarkan Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP) yang diterbitkan oleh United Nations Statistics Division (UNSD). Statistik berkaitan perbelanjaan dalam laporan ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan A System of National Accounts 2008 oleh United Nations dan Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013 yang diterbitkan oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (JPM, 2017).

Kesemua 12 Kumpulan Utama tidak dapat digunakan keseluruhannya untuk diukur sebagai item-item yang wajar dalam *hadd al-kifāyah*. Oleh itu, hanya bakul-bakul yang berkaitan sahaja yang perlu diambil kira dalam menentukan pengiraan *hadd al-kifāyah* yang lebih tepat. Bakul-bakul tersebut perlu dibandingkan dengan model *hadd al-kifāyah* yang dibawa oleh Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR). JAWHAR (2009) telah menggariskan bahawa komponen asas *hadd al-kifāyah* yang diambil kira adalah seperti berikut:

- **Perlindungan** iaitu perbelanjaan menyediakan perlindungan untuk diri dan tanggungan di bawahnya merangkumi sewa rumah atau bayaran ansuran rumah murah, bil air dan elektrik serta segala yang bersangkutan dengan keperluan asasi sebuah tempat tinggal berdasarkan keperluan minima.
- **Makanan** iaitu segala bahan makanan dan minuman asasi yang diperlukan atau dimakan oleh seseorang individu dan tanggungan di bawahnya yang memenuhi keperluan asasi sama ada ketika berada di dalam atau di luar rumah.
- **Pakaian** iaitu segala bentuk pakaian yang diperlukan oleh seseorang individu dan tanggungan di bawahnya yang memenuhi keperluan asasi sama ada ketika berada di dalam atau di luar rumah.
- **Perubatan** iaitu merujuk kepada segala bentuk perubatan, rawatan biasa, pembelian ubat biasa, pembelian alat-alat perubatan biasa, rawatan minor daripada mana-mana pusat perubatan dan rawatan alternatif lain.

- **Pendidikan** iaitu merujuk kepada bentuk pendidikan, perbelanjaan pendidikan Fardhu Ain, perbelanjaan berkaitan pendidikan diri, ahli keluarga sama ada di peringkat pra sekolah, rendah, menengah, kolej dan IPTA. Ianya juga meliputi keperluan yang berkaitan pendidikan tersebut seperti pembelian peralatan pelajar.
- **Pengangkutan** iaitu segala perbelanjaan yang berkaitan pengangkutan berbayar (tambang) oleh seseorang individu dan tanggungannya serta musafir yang diharuskan oleh syarak.

Item pertama dalam Indeks Harga Pengguna iaitu Makanan & Minuman tidak beralkohol, item ketiga adalah Pakaian dan Kasut, item keempat Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain, item kelima Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah, item keenam Kesihatan, item ketujuh Pengangkutan dan item kesepuluh iaitu pendidikan boleh dikategorikan dalam *hadd al-kifayah* sebagaimana komponen yang diberikan oleh JAWHAR dan bertepatan dengan petikan daripada *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*(1427H) yang menggariskan komponen dalam *hadd al-kifayah* seperti berikut:

"سد الحاجات الأصلية للشخص من مطعم و ملبس و مسكن و غيرها مما لا بد له منه على ما يليق بحاله و حال من في نفقته من غير إسراف ولا تففير"

Maksudnya: "Memenuhi keperluan asas bagi seseorang daripada **makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya, iaitu daripada sesuatu yang mesti dimiliki berdasarkan keadaanya dan keadaan orang dibawah tanggungannya** tanpa sebarang perkara yang melampau atau membazir dan kedekut". (*Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, 35:5)

Dan juga daripada petikan yang berikut yang lebih terperinci dan menjelaskan perbezaan antara *hadd al-kifāf* dan *hadd al-kifāyah*:

يختلف حد الكفاف في الإنسان عن حد الكفاية من أن حد الكفاف يقتصر على سد الضروريات القصوى من مطعم و مسكن و ملبس أما حد الكفاية فيتعدى ذلك إلى ما لا بد للإنسان منه على ما يليق بحاله من نكاح و تعليم و علاج و قضاء دين و ما يتزین من ملابس و حلي و غير ذلك

Maksudnya: "*Hadd al-kifāf* berbeza dengan *hadd al-kifāyah*, *hadd al-kifāf* tertumpu kepada memenuhi perkara-perkara darurat (mesti) yang tidak boleh tiada daripada **makanan, tempat tinggal dan pakaian**. Manakala *hadd al-kifāyah*, ia merangkumi lebih luas daripada sesuatu yang mesti dimiliki oleh seseorang berdasarkan kepada keadaannya, termasuk perkahwinan, **pembelajaran, rawatan**, melunaskan hutang dan sesuatu yang menjadi perhiasan pada pakaian dan sebagainya". (*Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, 35:6)

Kedua-kedua petikan daripada *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* telah menggariskan enam daripada tujuh item Indeks Harga Pengguna. Bakul ‘Makanan dan Minuman bukan beralkohol’ termasuk dalam tuntutan *hadd al-kifāf*, begitu juga dengan ‘Pakaian dan Kasut’ termasuk dalam tuntutan pakaian dalam *hadd al-kifāf*. Bakul Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain serta bakul ‘Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah’ dapat dikategorikan dalam tuntutan tempat tinggal dalam *hadd al-kifāf*. Bakul ‘Pendidikan’ disebut secara jelas juga dalam petikan tersebut sebagai pembelajaran dan bakul ‘Kesihatan’ di dalam teks tersebut sebagai rawatan.

Manakala baki satu bakul iaitu item ‘Pengangkutan’ dapat dijelaskan daripada hadis berikut:

عن الحسين بن علي قال قال رسول الله للسائل حق وان جاء على فرس

Maksudnya: Daripada al-Husain Bin Ali berkata, sabda Rasulullah saw: “Bagi peminta ada hak, walaupun dia datang dengan berkuda” (*Ābi Dawd, Al-Sunan Ābi Dawd*, 1665).

Konteks hadis membicarakan keadaan seseorang yang datang berkuda atau memiliki kenderaan pada zaman sekarang bukanlah bermakna dia seseorang yang kaya dan tidak layak untuk menerima dan memohon zakat. Boleh jadi kenderaan yang dimilikinya adalah sebagai peralatan untuk menjana pendapatannya kerana kenderaan pada zaman sekarang sudah menjadi peralatan untuk mencari sumber pendapatan. Maka aspek ini perlu dimasukkan dalam kriteria pengiraan *hadd al-kifāyah*.

Ringkasan bakul-bakul Indeks Harga Pengguna yang berkaitan dengan *hadd al-kifāyah* menggunakan model yang telah digariskan komponen utamanya oleh JAWHAR adalah seperti berikut:

Jadual 2.0 Indeks Harga Pengguna Berkaitan Elemen *Hadd al-Kifāyah*

Elemen <i>Hadd al-Kifāyah</i>	Komponen Indeks Harga Pengguna
Perlindungan	Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah
Makanan	Makanan dan Minuman Bukan Beralkohol
Pakaian	Pakaian dan Kasut
Perubatan	Kesihatan
Pendidikan	Pendidikan
Pengangkutan	Pengangkutan

Objektif penggunaan Indeks Harga Pengguna dalam penentuan *hadd al-kifāyah* adalah kerana IHP mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi “bakul” tetap barang dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu

tempoh masa yang ditetapkan. Pengukuran ini akan mencerminkan kos sebenar yang akan ditanggung oleh setiap individu dalam perbelanjaan sara hidup mereka. Walaupun tidak kesemua yang boleh diambil kira sebagai penentuan *hadd al-kifayah*, namun tujuh daripada 12 bakul atau item yang ditetapkan tersebut dapat digunakan sebagai kayu ukur. Perubahan kos pembelian setiap tahun malahan bulan juga dapat dilihat sebagai satu peluang untuk mengemaskini pengiraan *hadd al-kifayah* semasa.

PERBANDINGAN *HADD AL-KIFAYAH* MAIDAM DENGAN MODEL *HADD AL-KIFAYAH* INDEKS HARGA PENGGUNA

Perbandingan antara konsep *hadd al-kifayah* yang digunakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dengan model *hadd al-kifayah* Indeks Harga Pengguna dapat dibuat dengan meletakkan satu andaian jumlah isi rumah yang sama iaitu sepasang suami isteri dan dua orang anak yang masih belajar di peringkat menengah dan rendah serta mereka menetap di rumah sewa dalam kawasan bandar. Andaian diletakkan bagi memudahkan perbandingan dan bersesuaian dengan purata bilangan isi rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM, 2017).

Item di dalam model *hadd al-kifayah* Indeks Harga Pengguna yang bersesuaian digunakan adalah tujuh daripada dua belas item atau bakul yang telah dinyatakan. Seterusnya, tujuh item tersebut mewakili 78.4 wajaran daripada keseluruhan Indeks Harga Pengguna 2018(lampiran 1). Nilai 78.4 wajaran daripada purata perbelanjaan penggunaan isi rumah Terengganu adalah sebanyak RM2,980.77 daripada nilai keseluruhan iaitu RM3,802.

Jika diukur pula dengan amalan *hadd al-kifayah* di Terengganu menggunakan purata isi rumah seramai empat orang sebagaimana saiz purata isi rumah yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, maka jumlah *hadd al-kifayah* bagi keluarga tersebut adalah RM1,950.00. Terdapat perbezaan yang jauh antara *hadd al-kifayah* model JAWHAR dan *hadd al-kifayah* amalan pusat zakat Terengganu sekarang. Ini bermakna dengan menggunakan model *hadd al-kifayah* JAWHAR mereka yang mempunyai saiz isi rumah seramai empat dan berpendapatan kurang daripada RM2,980.77 masih berhak mendapatkan zakat sedangkan jika menggunakan *hadd al-kifayah* Pusat Zakat Terengganu mereka sudah tidak layak mendapatkan dana zakat. Sedangkan *hadd al-kifayah* model JAWHAR ditambah dengan penggunaan IHP bagi menentukan jumlah *hadd al-kifayah* adalah sesuai untuk menggambarkan keperluan perbelanjaan yang sebenar.

KESIMPULAN

Oleh itu, *hadd al-kifāyah* yang diamalkan sekarang perlu kepada dikemaskini seperti menggunakan model *hadd al-kifāyah* Indeks Harga Pengguna bagi memperolehi jumlah *hadd al-kifāyah* yang lebih tepat kepada pemohon zakat. Hal ini bagi memastikan agar *hadd al-kifāyah* yang digunakan oleh institusi zakat adalah bersesuaian dengan keperluan sebenar perbelanjaan penggunaan isi rumah bagi menampung kos sara hidup mereka.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Talib, Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Syarak, *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 2013.
- Al-Nawāwīyy, Muhyīddin bin Sharaf, *Kitāb al-Majmū' Syarhu al-Muhazzab Lil-Syīrāzī*. Jeddah, Maktabah Al-Irsyād, t.t.
- Garis Panduan Agihan Zakat (2017). Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
- Hasan Ahmad, Hadd al-Kifayah: Cabaran Konseptualisasi Patuh Syariah dan Alternatif Garis Kemiskinan Negara, Ucaptama Persidangan Kebangsaan Zakat dan Pembangunan Ekonomi Islam (NCOZ 2015), 2015.
- Jabatan Haji, Wakaf Dan Zakat (JAWHAR), Manual Pengurusan Agihan Zakat, 2007.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2015). Data Asas Malaysia. *Retrieved from <http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2015/05/1-DATA-ASAS-MALAYSIA1.pdf> on 28th April 2018.*
- Jabatan Perangkaan Malaysia, (2017). Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2009. *Manual Pengurusan Agihan Zakat*. Kuala Lumpur: JAWHAR.
- Kyaw, D., & Routray, J. K. (2006). Gender and rural poverty in Myanmar: A micro level study in the dry zone. *Journal of Agriculture and Rural Development in the Tropics and Subtropics (JARTS)*, 107(2), 103-114.
- Mat Nor, F., Azman, A. S., & Jamlus Rafdi, N. (2015). Kesan Pelaksanaan GST: Keperluan Penetapan Semula Had Kifayah. Proceeding of the International Conference on Social Science Research, Penang Malaysia (pp. 385–392).
- Nor Azlina Abd. Wahab, Mahyudin Abu Bakar, Ahmad Zubir Ibrahim, Zairy Zainol & Norida Minhat@Minhaj. 2015. Kualiti Perkhidmatan dalam Institusi Zakat: Satu Penemuan Awal. Dlm Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia, disunting oleh Nor

Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohd Taqiuuddin Mohamad. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Wizarah al-Awqaf al-Kuwait. 1427H. *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwātiyyah*, Kuwait: Dar al-Salasil.

Lampiran 1: Indeks Harga Pengguna Januari 2018

Kumpulan Utama	Indeks Keseluruhan			Indeks Teras		
	Waj.	Indeks	Perubahan Peratus	Waj. Teras	Indeks	Perubahan Peratus
	Jan 18	Jan 18 /Dis 17			Jan 18/Jan 17	
Jumlah	100.0	121.3	0.3	2.7	100.0	2.2
Makanan dan Minuman	29.5	131.6	0.6	3.8	26.5	3.5
Bukan Beralkohol						
Minuman Alkohol dan Tembakau	2.4	165.6	0.0	0.2	-	-
Pakaian dan Kasut	3.2	98.0	0.2	-0.3	4.5	-0.3
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	23.8	117.7	0.0	2.2	26.5	2.5
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	4.1	115.8	0.5	2.6	5.5	2.6
Kesihatan	1.9	122.4	0.3	2.3	2.6	2.3
Pengangkutan	14.6	120.0	0.4	5.7	6.5	2.0
Komunikasi	4.8	97.3	-0.1	-0.6	6.5	-0.6
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	4.8	111.8	0.1	0.5	6.6	0.5
Pendidikan	1.3	117.7	0.6	1.2	1.8	1.2
Restoran dan Hotel	2.9	129.5	0.1	2.4	3.9	2.4
Pelbagai Barang dan Perkhidmatan	6.7	114.6	0.3	0.9	9.1	0.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.